

# The Observer

07.07.2023

## ❖ **Menjadi Pelabur Kontrarian**

Pelaburan kontrarian ialah strategi pelaburan yang bertentangan dengan aliran dan sentimen pasaran semasa. Pelabur kontrarian atau sering dirujuk sebagai kontrarian, secara aktif mencari peluang untuk melabur dalam aset yang dinilai rendah atau kurang digemari oleh majoriti peserta pasaran. Mereka percaya bahawa pasaran tidak selalunya cekap dan kadangkala bertindak balas secara berlebihan. Ini boleh menyebabkan penetapan harga aset yang kurang tepat. Dengan mengambil pendekatan yang melawan arus, pelabur kontrarian bermatlamat untuk menjana keuntungan daripada ketidakcekapan pasaran.

Pelaburan kontrarian berakar umbi daripada kepercayaan bahawa pasaran didorong oleh emosi dan tingkah laku kelompok yang menyebabkan harga berbeza daripada nilai intrinsiknya. Pelabur kontrarian mengambil kesempatan daripada perbezaan ini dengan membeli aset apabila ia dinilai kurang dan menjualnya apabila nilainya meningkat. Mereka percaya bahawa masa terbaik untuk melabur adalah apabila pasaran diselubungi pesimisme dan ketakutan kerana ia sering membuka peluang pembelian yang menarik.

### **Ciri-ciri pelabur kontrarian**

Pelabur kontrarian dapat dilihat daripada kesanggupan mereka untuk berenang melawan arus pendapat popular. Mereka benar-benar yakin dengan analisis yang dibuat dan bersedia untuk mengharungi turun naik pasaran dalam jangka pendek. Walaupun kebanyakan pelabur cenderung mengikuti pendapat khalayak dan mengejar momentum, pelabur kontrarian mengambil pendekatan pelaburan yang lebih bebas dan bercanggah daripada pendapat umum.

Pelabur kontrarian menggunakan pelbagai strategi untuk mengenal pasti peluang pelaburan. Mereka sering mencari aset yang kurang digemari disebabkan oleh berita negatif, kemerosotan pasaran atau pesimisme secara umum. Aset ini mungkin dinilai rendah berbanding nilai intrinsiknya lantas membuka peluang kepada para pelabur kontrarian untuk membelinya pada harga yang lebih rendah.

Kontrarian juga memerhatikan penunjuk sentimen pasaran seperti tinjauan pelabur, laporan penganalisis penyelidikan dan tajuk berita. Mereka mencari sentimen yang melampau, apabila berlakunya keyakinan atau pesimisme yang berlebihan kerana situasi yang melampau ini boleh menunjukkan potensi titik perubahan dalam pasaran. Apabila sentimen terlalu positif, pelabur kontrarian mungkin mempertimbangkan untuk

menjual aset tersebut, manakala apabila sentimen terlampaui negatif, ia mungkin menandakan peluang untuk membeli.

Pelaburan berdasarkan nilai adalah pendekatan biasa yang digunakan oleh pelabur kontrarian. Mereka mencari saham atau aset-aset lain yang didagangkan pada diskaun yang ketara daripada nilai intrinsiknya. Dengan menjalankan analisis asas dan mentaksir nilai yang mendasari aset tersebut, pelabur kontrarian berhasrat untuk mengenal pasti pelaburan yang berpotensi tinggi untuk bertambah nilai pada masa hadapan.

Pelabur kontrarian selalunya berorientasikan jangka panjang. Mereka fokus terhadap prospek asas sesebuah aset dan bukannya pergerakan harga jangka pendek. Mereka mempunyai kesabaran untuk menunggu pasaran mengiktiraf nilai sebenar pelaburan mereka, walaupun peralihan sentimen itu mengambil masa yang lama.

Antara pelabur kontrarian yang terkenal termasuklah Warren Buffett, Benjamin Graham dan David Dreman. Buffett sering dianggap sebagai salah seorang pelabur terhebat sepanjang zaman dan beliau terkenal dengan pendekatan kontrariannya terhadap nilai pelaburan. Beliau pernah menyebut, "Gementarlah apabila melihat orang lain tamak dan bersikap tamak apabila orang lain ketakutan," dan ini merangkumi intipati pelaburan kontrarian.

Pelaburan kontrarian tetap datang bersama risikonya. Ia memerlukan analisis yang teliti kerana tindakan menentang sentimen pasaran semasa boleh mendatangkan potensi kerugian jika berlaku kesilapan dalam analisis pelabur kontrarian itu atau jika sentimen pasaran masih berterusan. Ia juga memerlukan minda psikologi yang kuat kerana pelabur kontrarian perlu dapat menahan kritikan dan berpegang teguh dengan pendirian mereka walaupun ia bertentangan dengan majoriti pelabur.

Kesimpulannya, pelaburan kontrarian adalah strategi pelaburan yang melawan arus sentimen pasaran semasa serta merebut peluang dalam aset yang dinilai rendah atau kurang digemari.

Pelabur kontrarian percaya bahawa pasaran tidak selalunya cekap dan boleh didorong oleh emosi dan tingkah laku kelompok. Dengan mengambil pendekatan kontrarian, pelabur mensasarkan untuk meraih keuntungan daripada ketidakcekapan pasaran dan perbezaan daripada nilai intrinsik. Pelabur kontrarian menggunakan pelbagai strategi seperti pelaburan berdasarkan nilai dan menganalisis penunjuk sentimen pasaran untuk mengenal pasti peluang pelaburan. Meskipun pelaburan kontrarian datang bersama risiko, kontrarian yang berjaya seperti Buffett telah menunjukkan bahawa pendekatan kontrarian boleh menghasilkan pulangan yang besar dalam jangka masa panjang.

---

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

#### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 10 hingga 14 Julai 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
10.07.23 (Isnin) 03.30 petang	Kronologi Asia Berhad (AGM)	<p>Kronologi menunjukkan prestasi kewangan yang berdaya tahan pada tahun kewangan 2023, dengan pendapatan dan untung bersih masing-masing mencecah RM314.2 juta (meningkat 2.0% tahun ke tahun) dan RM24.5 juta (meningkat 3.6% tahun ke tahun).</p> <p>Segmen Teknologi Infrastruktur untuk Pengurusan Data Perusahaan (<i>Enterprise Data Management for Infrastructure Technology, EDM IT</i>) memacu pertumbuhan ini dengan menyumbang RM250.9 juta (80% daripada jumlah pendapatan), melonjakkan pertumbuhan keuntungan segmen sebanyak 7.0% kepada RM26.2 juta. Singapura, China dan Filipina merupakan penyumbang terbesar kepada segmen ini.</p> <p>Sementara itu, segmen hibrid dan awan sebagai perkhidmatan (<i>cloud and hybrid as-a-service, AAS</i>) menyaksikan pertumbuhan pendapatan sebanyak 20% kepada RM63.4 juta, dengan keuntungan berjumlah RM7.1 juta.</p> <p>Kumpulan yakin dapat memberikan prestasi yang kukuh sekali lagi pada tahun kewangan 2024 dengan inisiatif untuk meningkatkan nilai pelanggan.</p>
13.07.23 (Rabu) 10.30 pagi	Seal Incorporated Berhad (EGM)	Syarikat mencadangkan penempatan sebanyak 62.29 juta saham baharu, mewakili kira-kira 20% daripada jumlah bilangan saham terbitannya (tidak termasuk saham perbendaharaan), kepada Chen Khai Voon pada harga terbitan 26 sen sesaham untuk RM16.19 juta, lihat Perjanjian Langganan bersyarat yang ditanda tangan antara Seal dan Pelanggan pada 8 Mei 2023.
13.07.23 (Rabu) 10.30 pagi	Reneuco Berhad (EGM)	Reneuco mencadangkan penerbitan bon boleh tukar boleh tebus ( <i>redeemable convertible bond, RCB</i> ) 2% yang perlu dibayar pada tahun 2026 dengan jumlah nilai nominal

		<p>sehingga RM350 juta (dalam 4 peringkat) kepada pelabur yang telah dikenal pasti iaitu Triton Capital Fund VCC. Reneuco berhasrat untuk menggunakan hasil daripada transaksi ini untuk membiayai keperluan modal kerjanya.</p>
13.07.23 (Rabu) 10.30 pagi	Yinson Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2023, Kumpulan membentangkan keputusan kewangan yang kukuh dengan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM6.3 bilion (tahun kewangan 2022: RM3.6 bilion). Ini sebahagian besarnya didorong oleh pengeluaran penyimpanan dan pemindahan terapung (<i>Floating Production Storage and Offloading, FPSO</i>) Maria Quitéria dan Atlanta yang mulakan aktiviti perniagaan Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pemasangan dan Pentaulahan (<i>Engineering, Procurement, Construction, Installation &amp; Commissioning, EPCIC</i>) dalam tahun kewangan semasa.</p> <p>Selaras dengan itu, untung bersihnya meningkat 12.2% atau RM588 juta berbanding tahun kewangan berakhir 2022.</p>
13.07.23 (Rabu) 02.30 petang	Yinson Holdings Berhad (EGM)	<p>Syarikat bercadang untuk memperoleh kesemua kepentingan ekuiti dalam AFPS B.V ('AFPS') oleh Yinson Bouvardia Pte. Ltd., anak syarikat milik penuh tidak langsung Syarikat daripada Atlanta Field B.V. dengan cara melaksanakan pemberian opsyen beli (Opsyen Beli) menurut Perjanjian Opsyen Beli bertarikh 21 Februari 2022 (Perjanjian Opsyen Beli) untuk balasan pembelian yang setara dengan harga opsyen.</p> <p>Kos maksimum untuk melaksanakan opsyen beli ini dianggarkan sebanyak USD434.7 juta (atau bersamaan dengan RM2,006.4 juta), yang merangkumi harga opsyen berjumlah USD87.9 juta (bersamaan RM405.7 juta) dan USD346.8 juta (atau bersamaan RM1,600.7 juta) pinjaman grantor beli yang akan dikeluarkan dan digunakan oleh AFPS.</p>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Kronologi Asia Berhad (AGM)	<p>1. Kerugian rosot nilai ke atas amaun terutang daripada anak syarikat meningkat daripada RM4.9 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM22.1 juta pada tahun kewangan 2023 (halaman 79, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sila berikan nama anak-anak syarikat yang mengalami kerugian rosot nilai.</li> <li>b) Apakah yang menyebabkan lonjakan dalam kerugian rosot nilai pada tahun kewangan 2023?</li> <li>c) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk memastikan kerugian rosot nilai ke atas jumlah terutang daripada anak-anak syarikat tidak berulang atau terus meningkat?</li> </ul> <p>2. Penghutang dagangan dan aset kontrak Kumpulan yang telah lampau tempoh melebihi 61 hingga 90 hari meningkat kepada RM1,813,720 pada tahun kewangan 2023 daripada RM960,989 pada tahun kewangan 2022 (halaman 140, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Apakah kesukaran yang dihadapi oleh Kumpulan untuk mengutip amaun penghutang dagangan yang telah lampau tempoh melebihi 61 hingga 90 hari kerana jumlah yang tertunggak meningkat dengan ketara?</li> <li>b) Siapakah pelanggan yang terlibat dan apakah profil mereka yang terangkum dalam kategori ini (telah lampau tempoh 61 hingga 90 hari) dalam penghutang dagangan Kumpulan pada tahun kewangan 2023?</li> <li>c) Setakat ini, berapakah jumlah tertunggak telah berjaya dikutip?</li> </ul>
Yinson Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan berjaya membina portfolio teknologi yang menarik menerusi pelaburan dalam syarikat seperti Shift Clean Energy, MooVita, eMoovit Lift Ocean, GotSurge, Oyika dan chargEV. (Halaman 90, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Berapakah jumlah kos pelaburan bagi portfolio syarikat teknologi yang dinyatakan di atas?</li> <li>b) Namakan syarikat teknologi yang menjana EBITDA positif pada tahun kewangan 2023 atau jangkaan masa syarikat-syarikat ini dapat menjana EBITDA positif.</li> </ul>

#### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))  
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))  
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.